Kelas Bahasa Melayu Bersama cikgu Nazia

Kenal pasti kesalahan tatabahasa di bawah.

Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan Bahasa/kesalahan ejaan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.

a. Industri pelancongan negara menunjukkan peningkatan positif dari tahun ke setahun.

_____

b. Kami begitu teruja melihat kapal terbang-kapal terbang tentera semasa Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa di Langkawi.

_____

c. Disipilin dan sahsiah diri sangat penting bagi setiap murid yang ingin Berjaya di dalam pelajaran.

_____

d. "Apakah haiwan yang paling bahaya sekali di dunia?" tanya Hanisha kepada Lokman.

_____

e. Adik bongsu saya merengek-rengek bila ibu dan ayah enggan membelikannya mainan.

_____

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **peribahasa yang sesuai**.

buah tangan | pasang telinga | lipas kudung | ringan tulang | terang hati

1 Durratun Aini seorang yang _____ kerana dia mudah memahami setiap topik yang diajar oleh guru.

2 Puan Zaimah dan suaminya tidak lupa membelikan _____ untuk anak-anak mereka semasa berada di Acheh.

3 Zakaria disayangi oleh majikannya kerana dia sentiasa melakukan kerja bagai _____.

4 Setiap murid hendaklah _____ sewaktu cikgu sedang mengajar di dalam kelas.

5 Puan Hawa bersyukur kerana anak-anaknya _____ membantunya melakukan kerja rumah.

LIVEWORKSHEETS